

**TEKS UCAPAN**

**YANG BERBAHAGIA  
PROFESOR DATUK TS. DR. SHAHRIN BIN SAHIB @  
SAHIBUDDIN, FASC**

**NAIB CANSOLOR  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**SESI TAKLIMAT PELAKSANAAN  
CEO@FACULTY PROGRAMME**

**15 JANUARI 2025  
HOTEL UiTM**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**Alhamdulillahilahi rabbil alamin,**

**Wassolatuwassalamu ala ashrafil anbiya iwar  
mursolin waala alihi wasahbihi ajmain.**

**Salutasi – kemas kini berdasarkan kehadiran**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera, dan Salam UiTM di Hatiku.**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya, kita dapat berkumpul pada hari ini sempena Sesi Taklimat Pelaksanaan Program CEO@Faculty UiTM, bagi tahun 2025.
2. Pada tahun ini, UiTM telah diberi mandat oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) untuk menggerakkan program CEO@Faculty melalui lantikan ***Captains of Industry*** dalam kalangan alumni yang berjaya dan berperanan membantu peningkatan kerjaya graduan, khususnya graduan B40.
3. Dengan penglibatan aktif alumni yang merupakan ***Captains of Industry***, maka diharapkan kebolehpasaran dapat ditingkatkan melalui pendedahan industri, bimbingan mentor, dan kemahiran insaniah. Tahniah diucapkan kepada

semua CEO@Faculty yang dilantik hari ini.

**Hadirin sekalian,**

4. Program CEO@Faculty atau CFP telah diwujudkan oleh KPT bermula dari tahun 2015 lagi. Program ini bertujuan menghubungkan dunia akademik dengan industri melalui penglibatan CEO industri sebagai pensyarah jemputan di institusi pengajian tinggi.
5. Untuk makluman hadirin, pelantikan CEO@Faculty pada kali ini agak istimewa kerana kriteria pemilihan ditetapkan dalam kalangan alumni UiTM sendiri. Memandangkan ramai alumni telah mencipta prestasi cemerlang dalam pelbagai bidang serta mempunyai jaringan luas dalam industri yang diceburi, maka lantikan dalam kalangan mereka amat bertepatan.
6. Justeru, dengan melantik alumni UiTM sebagai CEO@Faculty, pengalaman dan kepakaran mereka akan memberi inspirasi dan bimbingan

secara langsung kepada pelajar generasi baharu, serta berpotensi besar meningkatkan reputasi universiti pada peringkat nasional dan antarabangsa.

**Para hadirin yang dihormati sekalian,**

7. UiTM sangat komited dalam menyokong agenda KPT untuk menyediakan bakat terbaik negara melalui pelbagai inisiatif komprehensif. Ini termasuk program pembangunan pelajar yang menekankan kemahiran kepimpinan, pemberdayaan komuniti, serta kerjasama erat dengan industri bagi memastikan kurikulum kita relevan dengan keperluan pasaran kerja.
  
8. Diharapkan program CEO@Faculty pada tahun ini dapat melaksanakan aktiviti-aktiviti yang memberi impak signifikan kepada pelajar dan universiti, seperti mengaplikasikan pendekatan *Quintuple Helix*, dengan melibatkan kerjasama antara universiti, industri, kerajaan, masyarakat, alumni dan alam sekitar.

9. Semoga pendekatan ini dapat memupuk kepemimpinan dan inovasi, mengukuhkan jaringan industri, dan menyediakan pengalaman pembelajaran yang holistik agar dapat meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan UiTM.
10. Ini sebahagian daripada usaha untuk memastikan graduan bukan hanya dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran, tetapi lebih penting lagi menerapkan sikap yang bersesuaian dengan keperluan pasaran pekerjaan.
11. Selain itu, program seperti ini secara tidak langsung memberi peluang yang amat berharga kepada warga UiTM kerana dapat belajar daripada pengalaman sebenar dan memahami cabaran serta peluang yang wujud dalam dunia industri.
12. Adaptasi kepada budaya kerja yang diperlukan industri amat penting bagi memberi nilai tambah

kepada pelajar. Apabila bergelar graduan kelak, insya-Allah ia dapat mengurangkan jurang dan masa bagi pemindahan ilmu dan kecekapan.

13. Mereka bukan hanya mampu melaksanakan tugas yang diberi, malah mempunyai sikap proaktif, ada *growth mindset*, berupaya mencari inisiatif penyelesaian masalah, dan seterusnya sentiasa mahu memperbaiki diri, komuniti dan organisasi.
14. Akhir kata, semoga pengalaman daripada CEO@Faculty atau ***Captains of Industry*** yang dilantik ini akan menjadi sumber inspirasi kepada anak muda di UiTM. Dengan kepimpinan melalui visi dan kejayaan yang ditonjolkan, UiTM yakin mereka dapat memberi motivasi dan dorongan kepada generasi muda untuk berani bermimpi besar dan mengambil langkah-langkah proaktif dalam mencapai matlamat mereka. Diharap lebih ramai graduan bakal menjadi *job creators*, dan bukan sekadar berpuas hati menjadi *end users* sahaja.

15. Sekali lagi, saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua yang telah dilantik. Semoga tuan-tuan dan puan-puan terus berjaya dan menjadi contoh teladan cemerlang kepada agama, nusa, dan bangsa.

**Sekian.**

**Wabillahi Taufiq Wal Hidayah Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.**